

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

SOALAN NO. 67

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah tarikh jangkaan pembinaan Hospital Kapar dapat dimulakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih dalam proses untuk memohon supaya pembinaan sebuah Hospital berkapasiti 500 katil di daerah Kapar, Selangor. Projek tersebut dicadangkan dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan, di mana KKM sedang dalam proses untuk mengemukakan permohonan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi membolehkan kerja-kerja awalan bagi Projek tersebut dilaksanakan bermula daripada *Rolling Plan 4 (2020)*, Rancangan Malaysia ke-11.

Pada masa yang sama, KKM telah memulakan proses perancangan keperluan Projek tersebut dan urusan perolehan tanah telah hampir selesai, tertakluk kepada keupayaan KKM membayar kos premium yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.